

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Mualim Journal of
Social Science and Humanities

PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN BAHASA TAMIL

INFUSION OF HIGHER ORDER THINKING SKILLS ON TEACHING & LEARNING TAMIL LANGUAGE

Mageswary Krupiah *¹, S. Kannadasan²

¹ Faculty of Human Development, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: fiona_mages@yahoo.com

² DRBCCC Hindu College, Pattabiram, Chennai, India. Email: nanthukanna80@gmail.com

*Corensponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/153>

Abstract

This study is carried out to identify the infusion of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in teaching and learning of Tamil Language among secondary school students. The objectives of this study are to identify the problems faced by students in applying HOTS in Tamil language teaching and learning and the methods used by teacher to infuse HOTS among students. Researcher used qualitative method to achieve the objectives of this study. Hermeneutic approach was used to interpret text to achieve the objectives of this study. The findings of the study indicate that low self-esteem towards questioning and thinking are the problems faced by students and teachers. Teachers able to use various techniques such as Hot Sit, Idea Rush, Look Think Comment, Group Presentation, uses of I-think Map to infuse HOTS among students. In conclusion, an effective concept on teaching and learning Tamil Language will improve Higher Order Thinking Skills among students.

Keywords: Higher Order Thinking Skills, teaching and learning, Tamil Language, Secondary School, Hermeneutics method

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Tamil. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Tamil dari segi penggunaan KBAT dan cara penerapan KBAT dalam kalangan murid. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis masalah dan cara penerapan KBAT dalam kalangan murid sekolah menengah bagi mata pelajaran Bahasa Tamil. Pengkaji menggunakan kaedah hermeneutik untuk menginterpretasikan teks bagi mendapatkan dapatan kajian. Dapatkan

kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar yang kurang berminat untuk menyoal dan berfikir merupakan masalah yang dihadapi dan guru perlu menggunakan pelbagai kaedah seperti *Hot Seat*, *Idea rush*, *Look Think Comment*, persembahan kumpulan, penggunaan peta *I-think* bagi meningkatkan penerapan KBAT dalam kalangan murid. Kesimpulannya, konsep yang efektif dapat memberi manfaat kepada dunia pendidikan berkaitan pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan KBAT dalam kalangan murid.

Kata kunci: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Pengajaran dan Pemudahcaraan, Bahasa Tamil, Sekolah Menengah, Kaedah Hermeneutik

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 3rd March 2021, revised 25th March 2021, accepted 10th April 2021

Pengenalan

Satu anjakan paradigma telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui transformasi pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) bagi membuka jalan ke arah pembentukan rakyat yang berpendidikan. Perubahan ini dilakukan secara menyeluruh melibatkan pendidikan prasekolah sehingga pendidikan pengajian tinggi dengan meletakkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sebagai salah satu aspek utama yang difokuskan dalam pengajaran.

Menurut KPM (2016)¹, KBAT merupakan lanjutan daripada usaha kerajaan untuk menggalakkan pemikiran luar daripada kotak setelah Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dilaksanakan sebelumnya. Bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid sekolah menengah, KBAT telah dinyatakan secara eksplisit dalam KSSM agar guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah. KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir. Kemahiran berfikir kritis membawa maksud kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah (Farah, 2019)².

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman. Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional. Strategi berfikir merupakan cara berstruktur dan bertujuan untuk menyelesaikan masalah. KBAT boleh diaplikasikan dalam kelas melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiiri, penyelesaian masalah dan projek (KPM, 2016)¹.

Bloom (1956)³ mencipta istilah, kemahiran berfikir aras tinggi (HOTs) dan menentukan tahap analisis, sintesis, dan penilaian pengetahuan. Dalam tahap analisis, pelajar terlibat dalam dua proses: mengenal pasti sebab-sebab kejadian tertentu, dan menganalisis maklumat untuk mencapai

kesimpulan. Pelajar dikehendaki berfikir secara mendalam dan kritikal. Di dalam tahap sintesis, pelajar membuat ramalan dan menyelesaikan masalah. Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk menghasilkan pelbagai jawapan kreatif, bukan hanya mencari satu jawapan yang betul. Dalam proses penilaian, pelajar menilai idea dan maklumat serta menggalakkan mereka berfikir dan memberi pendapat mengenai nilai isu yang diperiksa.

Berdasarkan tinjauan literatur, kebanyakan kajian lebih tertumpu pada peringkat sekolah rendah (Othman & Kassim, 2017)⁴ peringkat sekolah menengah (Radin Sharuddin & Mimi Mohaffyza, 2017)⁵ dan peringkat pengajian institusi tinggi (Saipolbarin & Taufiq, 2017)⁶. Terdapat banyak kajian lepas yang menumpukan kepada peringkat sekolah rendah hingga peringkat pengajian institusi tinggi. Dalam konteks pendidikan sekolah menengah kurangnya kajian yang menumpukan mata pelajaran Bahasa Tamil yang mengintegrasikan KBAT dalam PdPc. Oleh itu, kajian ini amat penting dijalankan untuk menyediakan sejumlah maklumat yang mengenai sejauh manakah penggunaan KBAT dalam PdPc Bahasa Tamil di Sekolah Menengah. Kajian ini juga menjadi kesedaran kepada kalangan guru dan murid betapa penting unsur-unsur KBAT untuk diterapkan dalam PdPc Bahasa Tamil.

Objektif Kajian

- i) Mengenal pasti masalah penerapan KBAT bagi pelajar tingkatan 3 dalam PdPc Bahasa Tamil.
- ii) Mengkaji Langkah-langkah penerapan KBAT bagi pelajar tingkatan 3 dalam PdPc Bahasa Tamil.

Persoalan Kajian

- i) Apakah masalah penerapan KBAT bagi pelajar tingkatan 3 dalam PdPc Bahasa Tamil?
- ii) Apakah langkah-langkah penerapan KBAT bagi pelajar tingkatan 3 dalam PdPc Bahasa Tamil?

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menekankan persepsi, sikap, sudut pandangan dan perasaan individu. Dengan itu, ia memberi makna serta dapat mentafsirkan sesuatu perkara dan perilaku. (Hakim, 1987)⁷. Kajian ini juga merupakan kajian yang berbentuk deskriptif yang menggunakan satu kaedah yang ditakrifkan sebagai tingkah laku manusia terutamanya bagi mencapai pemahaman yang mendalam terutamanya proses interaksi sesama manusia.

Suppiah (2016)⁸ telah menjelaskan bahawa analisis Hermeneutik melihat setiap individu sebagai seorang yang unik, iaitu memiliki emosi, pemikiran dan tingkah laku yang tersendiri. Bagi melaksanakan kajian ini seramai 5 guru Bahasa Tamil sekolah menengah di daerah Batang Padang, Perak telah dipilih sebagai sampel. Pengkaji menggunakan borang temubual untuk memperolehi data. Data dianalisis melalui kaedah Hermeneutik. Kaedah Hermeneutik digunakan untuk menginterpretasikan makna borang temubual bagi menjawab persoalan kajian.

Dapatkan Kajian

Pengkaji terlebih dahulu menganalisis teks penulisan yang ditulis oleh guru dalam borang soalan berbentuk pendapat guru dengan menginterpretasikan teks jawapan soalan pertama dan soalan kedua dengan berpandukan prinsip-prinsip yang terdapat dalam pendekatan Hermeneutik. Prinsip Hermeneutik digunakan dalam kajian ini ialah interpretasi kesemua jawapan responden, interpretasikan jawapan yang ditulis terhadap teks asal yang ditulis oleh responden.

Jadual 1

Analisis masalah penerapan KBAT bagi pelajar tingkatan 3 dalam PdPc Bahasa Tamil

| Soalan Berbentuk Pendapat guru | Interpretasi teks jawapan pendapat guru | Masalah pelajar dalam proses penerapan KBAT bagi matapelajaran Bahasa Tamil |
|--|---|---|
| Huraikan masalah yang murid hadapi dalam PdPc bagi menerapkan KBAT | <p>Pada pendapat saya, masalah yang dihadapi adalah kurang pendedahan dan tunjuk ajar dalam pelaksanaan KBAT dalam PdPc Bahasa Tamil. Tempoh masa yang terhad dalam pelaksanaan PdPc juga menjadi suatu kekangan untuk menerapkan KBAT secara mendalam kepada para murid. Pelajar yang mengambil matapelajaran Bahasa Tamil adalah daripada kelas pertama hingga kelas akhir. Ianya disebabkan PdPc Bahasa Tamil menjalankan luar jadual waktu dan guru terpaksa mengajar matapelajaran Bahasa Tamil ini kepada semua tahap murid dalam satu masa yang sama. Dalam kelas mempunyai murid kategori pandai dan guru juga perlu mengendalikan murid-murid yang lemah dalam sesi pembelajaran. Ini menyebabkan guru hanya focus kepada PdPc dan terpaksa mengabaikan memberi pendedahan dan implikasi KBAT dalam PdPc Bahasa Tamil. Secara jujurnya, saya memang tidak dapat menerapkan KBAT dalam PdPc Bahasa Tamil disebabkan kekangan</p> <p>Responden menghadapi masalah kekangan masa dalam pelaksanaan KBAT. Guru menghadapi masalah dari kurang pendedahan maklumat serta tunjuk ajar dalam pelaksanaan KBAT. Guru juga terpaksa mengajar murid luar jadual waktu serta mengajar semua tahap murid dalam suatu masa yang sama.</p> | <p>Kekangan masa</p> <p>Kurang pendedahan KBAT</p> <p>Terpaksa mengajar semua murid daripada pelbagai tahap pada satu masa yang sama.</p> |

masa dan mengambil masa yang lama untuk memberi penerangan yang mendalam kepada murid untuk berfikir tentang sesuatu perkara secara KBAT.

Murid-murid dari Kawasan luar bandar yang kurang maklumat, tiada kemudahan internet di rumah dan ICT menyebabkan mereka tidak dapat berfikir secara kritis dan tidak dapat menerapkan KBAT dalam dirinya. Murid ini juga tidak menonton berita untuk meningkatkan KBAT. Ibu bapa di rumah tidak menekankan murid untuk membuat ulangkaji dan membaca buku-buku selain daripada buku teks untuk meningkatkan ilmu pengetahuan. Murid gagal menerapkan KBAT dalam diri mereka sejak kecil. Guru juga kurang jelas tentang KBAT. Kadangkala, guru tidak memberi penekanan kepada soalan KBAT yang dinyatakan dalam buku teks Bahasa Tamil disebabkan guru sendiri tidak tahu jawapan yang betul atau guru risau murid akan mengambil masa yang lama untuk berfikir. Ini menyebabkan kekangan masa untuk menghabiskan silibusnya. Masalah seperti murid masih lemah dan lambat menguasai soalan KBAT menyebabkan murid tidak dapat meningkatkan dirinya.

Responden menghadapi masalah dalam menerapkan KBAT kerana murid tinggal di Kawasan luar bandar, tiada kemudahan internet di rumah, tiada sokongan ibu bapa dan keluarga serta guru kurang jelas mengenai konsep KBAT. Masalah darisegi tahap keupayaan murid yang lambat menguasai pelajaran.

Tinggal di luar bandar

Kurang sokongan ibu bapa

Guru gagal memberi penerangan yang jelas

Perbincangan Interpretasi berdasarkan soalan kajian melalui kaedah Hermeneutik

Berdasarkan hasil dapatan kajian, masalah yang dihadapi oleh murid dapat dibahagikan kepada pelbagai aspek. Berikut adalah masalah yang dihadapi oleh murid terhadap penerapan KBAT dalam PdPc Bahasa Tamil.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh murid terhadap penerapan KBAT dalam PdPc Bahasa Tamil

- Tiada kemudahan internet di rumah
- Tiada sokongan ibu bapa
- Guru kurang jelas mengenai konsep KBAT
- Murid lemah komunikasi
- Murid yang kurang daya berfikir
- Guru kurang sedia melaksanakan KBAT
- Perbezaan tahap keupayaan setiap murid
- Kekangan masa dalam melaksanakan PdPc

Berdasarkan Jadual, masalah guru mengalami kekangan masa untuk menyediakan tajuk pembelajaran serta pencarian bahan yang tepat, ketiadaan kemudahan internet di rumah untuk mendapatkan maklumat tambahan, perbezaan tahap keupayaan setiap murid, kurangnya pemahaman konsep KBAT serta tiada sokongan ibu bapa menjadi masalah murid kurang mempunyai penerapan KBAT.

Jadual 2

Langkah-langkah penerapan KBAT bagi pelajar tingkatan 3 dalam PdPc Bahasa Tamil

| Soalan | Berbentuk | Pendapat | Interpretasi | teks | jawapan | Langkah-penerapan KBAT bagi matapelajaran | langkah KBAT bagi Bahasa Tamil |
|---|-----------|----------|--------------|--|---------------------|---|--------------------------------|
| Huraikan Langkah-langkah penerapan KBAT bagi pelajar tingkatan 3 dalam PdPc Bahasa Tamil | | | | | | | |
| | | | | Menggunakan kaedah soalan dan penyoalan, pengurusan grafik dan juga CoRT. Boleh juga menggunakan bahan bantu mengajar iaitu penggunaan hands-on iaitu laptop dan juga peta minda. Guru menggunakan pembelajaran berdasarkan projek agar murid dapat merasai Penggunaan penyoalan, pengurusan grafik dan CoRT | Penggunaan hands-on | Penggunaan peta minda | |

kualiti pemikiran seseorang. Bahan pengajaran @ bahan bantu mengajar yang digunakan dalam menerapkan KBAT secara berkesan kepada murid ialah penggunaan “hands on”, laptop (*power point*) dan peta pemikiran. Pembelajaran berasaskan projek boleh merangsang KBAT di hadapan murid-murid kerana murid melakukan, merasai pengalaman membuat projek, mereka boleh memberi pendapat, menceritakan pengalaman dan boleh membuat kesimpulan daripada apa yang mereka pelajari.

Teknik mencungkil jawapan murid dengan aras soalan yang sesuai. Soalan bertumpu dan berpecah. Soalan yang jelas maksud dan boleh di fahami. Menyebarluaskan soalan ke seluruh kelas. Saya juga menggunakan teknik penyoalan dalam proses PdPc dengan murid iaitu secara menyeluruh kelas dan individu serta berkumpulan. Soalan yang dikemukakan didahului dengan tayangan, gambaran, atau penceritaan oleh guru untuk menghubungkan pemikiran murid dengan soalan yang ditujukan. Penggunaan kaedah *Hot Seat, Idea rush, Look Think Comment* meningkatkan KBAT murid.

pengalaman membuat projek, Pembelajaran berasaskan menceritakan pengalaman dan projek membuat kesimpulan.

Responden menggunakan teknik penyoalan iaitu teknik mencungkil jawapan murid, penggunaan soalan bertumpu dan berpecah serta soalan terbuka. Menggunakan teknik penyoalan iaitu penyoalan terbuka untuk seluruh kelas dan individu.

Teknik penyoalan yang digunakan bagi menghubungkan pemikiran murid melalui tayangan, gambaran serta penceritaan yang jelas daripada guru.

Penggunaan kaedah *Hot Seat, Idea rush, Look Think Comment*.

Teknik penyoalan

Penyoalan terbuka

Teknik penyoalan menghubungkan pemikiran murid

Kaedah *Hot Seat, Idea rush, Look Think Comment*

Perbincangan Interpretasi berdasarkan soalan kajian melalui kaedah Hermeneutik

Berdasarkan interpretasi jawapan bagi soalan temu bual, pengkaji mendapati bahawa guru gemar menggunakan bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar kerana guru percaya bahawa objek dan situasi yang hampir dengan murid akan memberi kefahaman yang lebih kepada murid. Selain menggunakan bahan maujud, guru juga menggunakan Teknik penyoalan, pengurusan grafik, CoRT, peta minda, *hands on*, pembelajaran berasaskan projek, Teknik penyoalan yang

menghubungkan pemikiran murid, kaedah *Hot Seat, Idea rush, Look Think Comment* dalam meningkatkan KBAT murid.

Kesimpulan

Penerapan KBAT sememangnya telah sedia ada dalam pengajaran tetapi kemahiran pelajar samada dari aspek pengetahuan maupun sikap masih belum konsisten serta mencapai tahap yang optimum. Bagi menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar, peranan guru sangat signifikan. Sebenarnya, kemahiran berfikir ini bukan perkara asing daripada PdPc pelajar. Tambahan lagi, guru perlu terus meningkatkan keupayaan kemahiran berfikir mereka supaya lebih bersedia dalam menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21 sekaligus dapat memberikan yang terbaik kepada pelajar dalam pengajaran mereka.

Rujukan:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
2. Farah Adlina Mokter. (2019). *Keberkesanan Pembelajaran berdasarkan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam penulisan karangan Bahasa Melayu*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals*. Handbook 1. Cognitive Domain. New York: David McKay.
4. Othman, M. S. B., & Kassim, A. Y. B. (2017). Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 4(2), 23-35.
5. Radin Sharuddin, R. N. I., & Mohamad, M. M. (1). Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Mata Pelajaran Teknikal Sekolah Menengah Harian. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(1).
6. Saipolbarin, S., Ghani, M. T. A., Atoh, N., & Romli, T. R. M. (2019). Integrasi elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berdasarkan kit media dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan guru pelatih bahasa arab. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 33-44.
7. Hakim, C. (1987). Research Design: Strategies and Choices in the Design of Social Research, Contemporary Social Research Series 13. London: Allen and Unwin
8. Suppiah, N. (2016). Kaedah Hermeneutik: Kaedah Interpretasi Teks Secara Kualitatif (1st Ed.). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.